

السِّيَرَةُ الْمُحَمَّادِيَّةُ

SYARAH

Syama'il Muhammadiyah

Himpunan 10 syarah klasik dan moden tentang fizikal Rasulullah Saw. Menjadi kitab terjemahan pertama dalam bahasa Melayu oleh 10 orang imam dan syeikh

IMAM ABU 'ISA MUHAMMAD BIN 'ISA AL-TIRMIZI

Syeikh Dr. Abdul Razzaq bin Abdul Mushin al'Abbad al-Badr Hafizahullah

Syeikh Dr. Muhammad bin Soleh al-Munajjid Hafizahullah

Syeikh Dr. Hisyam al-Kamil Hamid Musa Hafizahullah

Imam Nasimuddin Mirak Syah al-Syirazi al-Hanafi

Imam al-Mulla 'Ali bin Sultan Muhammad al-Qari

Imam Ibrahim bin Muhammad al-Bajuri al-Syafie

Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajar al-Haitami

Syeikh Sayyid bin Abbas al-Jalimui Hafizahullah

Imam Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi

Imam al-Hafiz Jalaluddin al-Suyuthi



سَيَرَاهُ

SYARAH

Syarah

Muhammadiyah

Himpunan 10 syarah klasik dan moden tentang fizikal Rasulullah Saw. Menjadi kitab terjemahan pertama dalam bahasa Melayu oleh 10 orang imam dan syeikh

IMAM ABU 'ISA MUHAMMAD BIN 'ISA AL-TIRMIZI

Syeikh Dr. Abdul Razzaq bin Abdul Mushin al'Abbad al-Badr Hafizahullah

Syeikh Dr. Muhammad bin Soleh al-Munajjid Hafizahullah

Syeikh Dr. Hisyam al-Kamil Hamid Musa Hafizahullah

Imam Nasimuddin Mirak Syah al-Syirazi al-Hanafi

Imam al-Mulla 'Ali bin Sultan Muhammad al-Qari


Imam Ibrahim bin Muhammad al-Bajuri al-Syafie

Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajar al-Haitami

Syeikh Sayyid bin Abbas al-Jalimui Hafizahullah

Imam Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi

Imam al-Hafiz Jalaluddin al-Suyuthi



PUSAT KAWA PERUBAHAN



1013966



HAKCIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam bentuk atau dengan alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada GRUP BUKU KARANGKRAF SDN BHD.

PENAFIAN

Novel ini adalah karya fiksi. Segala watak, peristiwa, organisasi, tempat, ilustrasi dan grafik pada kulit buku adalah rekaan semata-mata hasil imaginasi penulis, ilustrator dan pereka grafik. Sebarang persamaan dengan individu yang masih hidup ataupun telah meninggal dunia, peristiwa dan lokasi sebenar adalah secara kebetulan dan tidak disengajakan - PENERBIT

CETAKAN-1 - 2025



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-86-1072-8

Diterbit dan Diedarkan Oleh



GRUP BUKU KARANGKRAF SDN BHD

Lot 1, Jalan Renggam 15/5,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15
40200 Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5101 7388
Co. No. 276419-M / 199301021681 / AJL No. 931283

Dicetak Oleh



ULTIMATE PRINT SDN BHD

Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15
40200 Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5101 7525
Co. No. 62208-H / 198001008424

Sebarang maklumbalas atau kemusykilan sila hantarkan kepada :
Emel : pelanggan@karangkraf.com ATAU WhatsApp : 019-2297227



GRUP BUKU
karangkraf

m mb ak njwa smnda

297.12543
Mus

Mukadimah

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ
فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Segala puji bagi Allah SWT, kami memuji-Nya, memohon pertolongan dan keampunan, serta berlindung kepada-Nya daripada kejahatan diri kami dan keburukan amalan- amalan kami.

Sesiapa yang Allah SWT memberikan petunjuk, maka tidak ada sesiapa yang dapat menyesatkannya. Sesiapa yang Allah SWT sesatkan, maka tidak ada sesiapa yang dapat memberikan hidayah kepadanya.

Aku bersaksi bahawa tidak ada yang berhak disembah dengan benar kecuali Allah SWT, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad SAW adalah hamba dan utusan Allah SWT.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kalian mati kecuali dalam keadaan Islam." (Ali 'Imran: 102)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ
 أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ
 فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan katakanlah dengan perkataan yang benar, nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu dan sesiapa mentaati Allah dan rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah mendapat kemenangan yang besar.” (Al-Ahzab: 70-71)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
 مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ
 إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya: “Wahai manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakanmu daripada diri yang satu. Daripadanya Allah telah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembangkannya lelaki dan perempuan yang ramai. Bertakwalah kepada Allah yang dengan (menggunakan) nama-Nya, kamu saling meminta satu sama lain dan (peliharalah) hubungan silaturahim. Sesungguhnya Allah menjaga dan mengawasimu.” (Al-Nisa’: 1)

فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَإِنَّ أَفْضَلَ الْهَدْيِ هَدْيِي مُحَمَّدٍ،
 وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَالَّةٌ

Nabi SAW bersabda, “Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah kitab Allah, sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Nabi Muhammad SAW, seburuk-buruk perbuatan adalah mengadakan sesuatu baru. Setiap sesuatu yang baharu itu bidaah, setiap yang bidaah itu sesat.” (Direkodkan oleh Imam Ahmad dalam Musnad Imam Ahmad, Musnad Jabir bin Abdillah, no hadis

14334, daripada Jabir bin Abdillah, Sheikh Syuib al-Arnouth dan Pengkaji lain menilai *hadith ini sahih*)

Manhaj (kaedah) terjemahan dan syarahan kitab ini:

1. *Takhrij* hadis yang agak lengkap dan dinyatakan status setiap hadis. Jika ada hadis tidak mencapai darjat sahih, akan dinyatakan sebab dan kecacatannya.
2. *Faedah Mustalah Hadis* dikutip dan diteliti daripada kitab-kitab rujukan utama seperti istilah-istilah "*Tahwil Sanad*", "*Imlak*", kategori *Majhul/Mastur*, mengapa perawi ragu?, kaedah *talaqqi* dengan guru mengambil hadis, *Mu'talif* dan *Mukhtalif*, *Munkarul hadis*, *Mursal Sahabi*, *Mudtharib*, beza *akhbarana* dan *anba'ana*, sebab Imam Tirmizi membawakan hadis seakan sama atau sama dalam bab lain, hadis *Musyil*, *Tadlis*, '*Adalah*, *Ikhtilat* dan pelbagai lagi perbincangan *Mustalah* di sisi ulama hadis.
3. *Faedah fiqh* daripada hadis dinyatakan secara ringkas terkait hukum dan permasalahannya.
4. Pengajaran hadis turut dinyatakan secara ringkas.
5. Menggunakan lebih 10 syarah klasik dan moden daripada kitab "*Al-Syamail*" syarahan Imam al-Bajuri, Imam al-Suyuthi, Imam Ibn Hajar al-Haitami, Imam Zakariyya al-Kandahlawi, Imam Mulla al-Qari, Imam Mirak Syah, Syeikh Dr. Hisyam al-Kamil Hamid, Syeikh Sayyid Abbas, Syeikh Dr. Abd Razak al-Badr, Syeikh Dr. Muhammad bin Soleh Munajjid, di samping kebanyakan syarah hadis "*Kutub Sittah*."
6. Biografi sahabat yang meriwayatkan hadis akan disebutkan secara ringkas agar dikenali sahabat-sahabat yang



meriwayatkan hadis tanpa berulang biografinya pada bab yang lain.

7. Terjemahan hadis diteliti pada kitab syarah untuk memastikan terjemahan lebih sempurna dan lebih tepat, juga membandingkan terjemahan-terjemahan hadis dalam kitab lain berbahasa Melayu.
8. Faedah sejarah ringkas kehebatan dan pengembaraan ulama hadis menuntut ilmu hadis juga disebutkan secara ringkas.
9. Kaedah terjemahan syarah diambil daripada kefahaman dan maksud pensyarah kitab-kitab syarah bukan terjemahan perkataan demi perkataan agar bahasa dipermudahkan dan diringkaskan.
10. Semoga kitab ini menjadi asbab kefahaman terhadap huraian hadis serta kelebihanannya. Terjemahan ini juga merupakan jilid satu sahaja yang menghimpunkan hampir separuh daripada keseluruhan hadis dalam kitab ini.

Penyusun & Penterjemah

Mustafar bin Mohd Suki

BIOGRAFI RINGKAS

KEHIDUPAN IMAM TIRMIZI

Nama dan kelahiran

Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin 'Isa bin Thaurah bin Musa As-Sulami al-Tirmizi. Dilahirkan pada tahun 209 Hijrah di sebuah daerah bernama Tirmiz. Nama beliau dinisbahkan kepada sebuah sungai yang ada di daerah tersebut yang dikenali sebagai Jaihun.

Perjalanan menuntut ilmu

Imam Tirmizi memulakan perjalanan menuntut ilmu sejak beliau remaja. Beliau menuntut ilmu pada syekh-syeikh yang ada di negaranya. Kemudian beliau mengembara ke pebagai negara seperti Khurasan, Madinah, Makkah, Iraq dan lain-lain.

Guru-guru beliau

Di antara guru-guru beliau ialah:

- 1) Ishaq bin Rahuyah adalah guru pertama beliau.
- 2) Imam Muhammad bin 'Ismail al-Bukhari sangat banyak mempengaruhi Imam Tirmizi lebih-lebih lagi dalam ilmu 'Ilal Hadis.
- 3) Imam Muslim.
- 4) Imam Abu Dawud.
- 5) Qutaibah bin Sa'ad dan lain-lain.

Murid-murid beliau

Di antara murid beliau yang terkenal adalah:

- 1) Abu Bakar Ahmad bin 'Ismail al-Samarkandy.
- 2) Abu Hamid al-Mawarzi.
- 3) Al-Rabi' bin Hayyan al-Bahily dan lain-lain.



Kitab-kitab beliau

Antara kitab beliau yang terkenal adalah:

- 1) "Al-Jami' Sunan at-Tirmizi" adalah hadis beliau paling terkenal dan sangat bermanfaat.
- 2) "Al-Ilal lil Imam Tirmizi."
- 3) "Al-Syamail Muhammadiyyah" iaitu kitab yang berada di tangan kita sekarang. Ia adalah kitab paling lengkap dan padat membahaskan mengenai sifat-sifat kejadian Nabi.
- 4) "Al-Tarikh".
- 5) "Al-Asma' wal-Kuna" dan lain-lain lagi.

Pujian ulama kepadanya

Kitab beliau yang bertajuk "Al-Jami" menunjukkan luasnya ilmu dan kefahamannya dalam bidang hadis, feqah dan masalah khilafiah.

Antara pujian ulama kepadanya:

- 1) Abu Ahmad al-Hakim berkata, bahawa beliau pernah mendengar 'Umar bin Allaq berkata, "Tidak ada seorang pun yang boleh menggantikan tempat Imam al-Bukhari selepas kematiannya kecuali Imam at-Tirmizi dalam masalah ilmu, kekuatan hafalan, sifat zuhud dan warak. Beliau pernah menangis sehingga matanya buta.
- 2) Abu Sa'ad al-Idris berkata, "Beliau adalah Imam hadis yang dijadikan contoh teladan terhadap kuatnya hafalan beliau.
- 3) Imam Al-Zahabi mengatakan dalam kitabnya "Siyar al-Alam wa Nubala': "Dalam kitab "Al-Jami" oleh Imam Tirmizi terdapat banyak ilmu yang bermanfaat, faedah yang melimpah, dan terdapat pokok-pokok perbincangan dalam Islam.

Wafatnya Imam al-Tirmizi

Beliau wafat pada tahun 279 Hijrah pada usia 70 tahun di Kota Tirmizl¹.


¹ Jamiul Usul oleh Imam Ibn Athir ms 193, Siyar al-Alam wa al-Nubala' oleh Imam al-Zahabi jil 25, ms 271, 275, Tarikh al-Islam oleh Imam al-Zahabi jil 6, ms 617.

ISI KANDUNGAN

Mukadimah

Biografi ringkas kehidupan Imam al-Tirmizi

◆ Riwayat Tentang Kejadian (fizikal) Rasulullah ﷺ	1
◆ Riwayat Tentang Bentuk Cap Mohor Kenabian ﷺ	43
◆ Riwayat Tentang Rambut Rasulullah ﷺ	71
◆ Riwayat Tentang Cara Rasulullah ﷺ Menyikat Rambut	85
◆ Riwayat Tentang Uban Rasulullah ﷺ	93
◆ Riwayat Tentang Pewarna Rambut Rasulullah ﷺ	107
◆ Riwayat Tentang Celak Mata Rasulullah ﷺ	116
◆ Riwayat Tentang Pakaian Rasulullah ﷺ	124
◆ Riwayat Tentang Kehidupan Rasulullah ﷺ	157
◆ Riwayat Tentang Khuf Rasulullah ﷺ	162
◆ Riwayat Tentang Selipar Rasulullah ﷺ	169
◆ Riwayat Tentang Cincin Rasulullah ﷺ	188



◆ Riwayat Tentang Nabi ﷺ Memakai Cincin Pada Tangan Kanannya	202
◆ Riwayat Tentang Sifat Pedang Rasulullah ﷺ	217
◆ Riwayat Tentang Sifat Baju Besi Rasulullah ﷺ	225
◆ Riwayat Tentang Sifat Topi Besi Rasulullah ﷺ	230
◆ Riwayat Tentang Sifat Serban Rasulullah ﷺ	235
◆ Riwayat Tentang Sifat Kain Sarung Rasulullah ﷺ	243
◆ Riwayat Tentang Perihal Cara Nabi ﷺ Berjalan	254
◆ Riwayat Tentang Penutup Kepala Rasulullah ﷺ	260
◆ Riwayat Tentang Duduk Rasulullah ﷺ	262
◆ Riwayat Tentang Bersandar Rasulullah ﷺ	268
◆ Riwayat Tentang Perihal Rasulullah ﷺ Dipapah	277
◆ Riwayat Tentang Sifat Makan Rasulullah ﷺ	283
◆ Riwayat Tentang Sifat Roti Rasulullah ﷺ	293

Penutup

Rujukan



BAB PERTAMA

بَابُ مَا جَاءَ فِي خَلْقِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Riwayat Tentang
Kejadian (fizikal) Rasulullah ﷺ


حَدَّثَنَا أَبُو رَجَاءٍ قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، عَنْ مَالِكِ بْنِ أَنَسٍ، عَنْ رَبِيعَةَ
 بْنِ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّهُ سَمِعَهُ، يَقُولُ: (كَانَ
 رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ بِالطَّوِيلِ الْبَائِنِ وَلَا بِالْقَصِيرِ
 وَلَا بِالْأَبْيَضِ الْأَمْهَقِ وَلَا بِالْأَدَمِ وَلَا بِالْجَعْدِ الْقَطَطِ وَلَا بِالْسَّبْطِ
 بَعَثَهُ اللَّهُ تَعَالَى عَلَى رَأْسِ أَرْبَعِينَ سَنَةً فَأَقَامَ بِمَكَّةَ عَشْرَ سِنِينَ
 وَبِالْمَدِينَةِ عَشْرَ سِنِينَ وَتَوَفَّاهُ اللَّهُ عَلَى رَأْسِ سِتِّينَ سَنَةً وَلَيْسَ فِي
 رَأْسِهِ وَلِحْيَتِهِ عَشْرُونَ شَعْرَةً بَيْضَاءَ)

*Maksudnya: Abu Raja' Qutaibah bin Sa'id telah menyampaikan kepada kami, daripada Malik bin Anas, daripada Rabi'ah bin Abu Abdul Rahman, daripada Anas bin Malik, bahawa dia telah mendengarnya berkata: "Rasulullah ﷺ bukanlah orang yang berperawakan terlalu tinggi, namun tidak pula terlalu rendah. Kulitnya tidak putih pucat tidak pula coklat kehitaman (sawo matang). Rambutnya ikal, tidak keriting berketak-ketak, dan tidak pula terlalu lurus kaku. Baginda diangkat (diutus) menjadi rasul ketika puncak usia 40 tahun. Baginda menetap di Makkah selama sepuluh tahun, dan di Madinah selama sepuluh tahun. Allah Azzawajalla mewafatkan baginda ﷺ ketika puncak usia 60 tahun dalam keadaan tidak sampai 20 helai uban yang terdapat di kepala mahupun pada janggut baginda ﷺ."*²

Sahabat perawi hadis

Nama sebenar Sayidina Anas ialah Anas bin Malik bin Al-Nadhr bin Dhamdham bin Zaid bin Haram bin Jundab bin 'Amir bin Ghanm bin 'Adi bin Malik bin Taimullah bin Tha'labah bin 'Amr bin al-Khazraj³.

2 SAHIF HR Imam al-Bukhari No 3547 dan HR Imam Muslim, no. 2347.
 3 'Siyar A'lam an-Nubala' oleh Imam al-Zahabi jil. 3, ms 395.



Anas bin Malik adalah sahabat yang mulia, imam dan mufti, ahli al-Quran, perawi hadis, cendekiawan Islam, juga pembantu Rasulullah ﷺ yang telah berkhidmat dengan baginda selama 10 tahun. Beliau pernah menjadi murid nabi ﷺ, serta sahabat terakhir (yang meninggal dunia di Basrah).

Beliau lahir di Madinah pada tahun sebelum hijrah atau 612 Masihi setelah Nabi Muhammad ﷺ tiba di Madinah, ibunya Ummu Sulaim menyerahkannya kepada baginda untuk dijadikan pembantu. Setelah Rasulullah ﷺ wafat, Anas bin Malik menjadi pembantu kepada khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman.

Anas bin Malik meriwayatkan sebanyak 2236 hadis. Beliau termasuk dalam kalangan tujuh orang sahabat nabi yang paling banyak meriwayatkan hadis.⁴

Terdapat sekitar 200 orang yang meriwayatkan hadis daripada Anas bin Malik seperti al- Sya'bi, Abu Qilabah, Maqbul, Umar bin Abdul Aziz, Thabit Albulnani, Bakar bin Abdullah Al Mazini, Az Zuhri, Qatadah dan lain-lain.

Anas mengatakan bahawa: "Rasulullah ﷺ tiba di Madinah ketika saya berumur 10 tahun dan baginda wafat ketika saya berumur 20 tahun⁵.


Nabi ﷺ kemudian berdoa untuknya, "Ya Allah. Banyakkanlah harta dan keturunannya."

Kemudian Anas berkata: "Demi Allah, setelah itu hartaku menjadi sangat banyak serta anak-anak dan cucuku berjumlah kira-kira seramai 100 orang⁶."

4 Tadrib Al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi oleh Imam As-Suyuthi jil 2, ms 285.

5 Sahih HR Imam Muslim, no 2029.

6 Sahih HR Imam Muslim, no 2481.



Anas meninggal dunia ketika beliau berumur 103 tahun (93 Hijrah) dan menjadi sahabat terakhir yang meninggal dunia di Basrah. Namun sahabat terakhir yang meninggal dunia bagi pendapat ulama yang lebih kuat ialah Abu Tufail Amir bin Wasilah Al-Laisi, pada 103 Hijrah. Menurut sebahagian pandangan adalah pada 110 Hijrah di Makkah.

Huraian hadis

Anas bin Malik telah mendengar daripada Rabi'ah bin Abu Abdul Rahman, yang menceritakan bahawa Rasulullah ﷺ bukanlah orang yang ketara tinggi dan bukan juga pendek. Ini menunjukkan ukuran ketinggian baginda ﷺ yang munasabah ialah sederhana.⁷ Ini juga bermaksud tidak terlonjak ketinggian baginda berbanding sahabat yang lain.⁸ Hal ini juga merujuk kepada pertengahan di antara ukuran tinggi dan pendeknya baginda⁹. Namun ada juga para ulama berpandangan, ukuran baginda agak tinggi berbanding sahabat yang lain.¹⁰

Rasulullah ﷺ juga bukanlah orang yang berkulit putih pucat melampau atau coklat kehitaman, bahkan kulitnya sedikit kemerah-merahan atau berseri cahaya seakan kristal.¹¹ Manakala rambut baginda ikal, tidak keriting berketak-ketak dan tidak pula terlalu lurus, bahkan pertengahan antara keduanya yang sangat sempurna.¹²

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: "Ia melengkapkan sebahagian pendapat ulama bahawa baginda dilahirkan pada bulan Rabiulawal dan dilantik menjadi rasul pada bulan yang sama. Namun jumhur ulama menyatakan, nabi ﷺ dilahirkan pada bulan Rabiulawal dan dilantik menjadi rasul pada bulan Ramadan. Adapun umur yang tepat ketika

7 Al-Mawahib al-Laduniyyah 'Ala al-Syamail al-Muhammadiyah oleh Imam al-Bajuri, ms 21.

8 Zahra al-Khamail 'Ala al-Syamail oleh Imam al-Suyuthi, ms 22.

9 Syarah Syamail al-Nabi oleh Syeikh Dr. Abdul Razaq Badr, ms 20.

10 Tuhfatul Ahwazi Syarah Sunan Tirmizi oleh Syeikh Al-Mubarakfuri, jil 10, ms 64.

11 Al-Mawahib al-Laduniyyah 'Ala al-Syamail al-Muhammadiyah oleh Imam al-Bajuri, ms 21.

12 Syarah al-Syamail al-Muhammadiyah oleh Syeikh Dr. Muhammad Soleh al-Munajjid, ms 15.

baginda diutuskan menjadi rasul adalah 40 tahun 10 hari, bahkan sebahagian pendapat menyatakan 40 tahun 20 hari.¹³

Terdapat riwayat lain daripada Anas bin Malik dalam "Sahih Muslim" menerangkan iaitu, baginda hidup selama 63 tahun (umur 40 tahun dilantik menjadi rasul, 13 tahun menetap di Makkah dan 10 tahun di Madinah). Ini bertepatan dengan riwayat Sayidatina Aisyah *radiyallahu'na*, dan inilah pendapat jumhur ulama.

Adapun riwayat hadis ini adalah untuk menggenapkan atau dibundarkan riwayat 23 tahun dakwah Baginda di Makkah dan Madinah menjadi 20 tahun sahaja¹⁴ demikian juga 63 tahun digenap atau dibundarkan kepada 60 tahun.

Manakala mengenai uban baginda, terdapat pelbagai riwayat bersumberkan daripada Anas bin Malik dan Abdullah bin Umar yang mengatakan, sama ada 20 helai atau 14 helai dan jumlah yang selainnya¹⁵ menjadi bukti baginda tidak mencabut ubannya dan menyimpan janggut.


Hadis 2:

حَدَّثَنَا حُمَيْدُ بْنُ مَسْعَدَةَ الْبَصْرِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ الثَّقَفِيُّ،
عَنْ حُمَيْدٍ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ (كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ رُبْعَةَ لَيْسَ بِالطَّوِيلِ وَلَا بِالْقَصِيرِ حَسَنَ الْجِسْمِ وَكَانَ شَعْرُهُ
لَيْسَ بِجَعْدٍ وَلَا سَبِطٍ أَسْمَرَ اللَّوْنِ إِذَا مَشَى يَتَكَفَّأً

13 Fathul Bari Syarah Sahih al-Bukhari Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, jil 6, ms 570.

14 Fathul Bari Syarah Sahih al-Bukhari Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, jil 6, ms 570.

15 Syarah al-Syamail al-Muhammadiyah oleh Syeikh Dr. Muhammad Soleh al-Munajjid, ms 15.



Maksudnya: "Humaid bin Mas'adah Al-Basri telah menyampaikan kepada kami, dia berkata: `Abdul-Wahhab As-Saqafy telah menyampaikan kepada kami, daripada Humayd, daripada Anas bin Malik, dia berkata: Rasulullah ﷺ ialah orang yang berukuran sederhana tubuh badannya, tidak tinggi dan tidak rendah, tubuh yang baik (tegap dan tampan). Rambutnya ikal, tidak keriting dan tidak terlalu lurus, warnanya coklat kehitaman. Apabila baginda ﷺ berjalan, posisi condong ke hadapan."¹⁶

Huraian hadis

Tubuh baginda ﷺ yang baik bermaksud sederhana, segar dan tegap. Begitu juga dengan setiap anggota badannya yang sangat lengkap dan sempurna. Adapun lafaz **أَسْمَرَ اللَّوْنِ** iaitu merujuk kepada warna rambut baginda yang coklat kehitaman, tidak sabit di sisi para ulama hadis seperti al-Hafiz al-Iraqi. Ini kerana Humaid secara sendirian meriwayatkan hadis ini daripada Anas. Tambahan pula hadis ini berbeza dengan riwayat daripada perawi-perawi yang lain. Ada antara para ulama menyatakan warna rambut baginda ﷺ yang sedikit kemerahan¹⁷. Oleh itu, kemungkinan lafaz ini merujuk kepada warna kulit Baginda ﷺ sebagaimana hadis sebelumnya.

Apabila baginda ﷺ berjalan posisinya akan condong ke hadapan, seakan-akan sedang turun dari tempat tinggi atau cerun (tangga atau bukit kecil). Bahkan badan Baginda umpama kapal yang berlayar meluncur ke hadapan tampak gagah dan sasa.¹⁸ Sifat yang dimiliki ini juga merujuk kepada baginda yang sangat fokus dan dan sentiasa bersegera.

¹⁶ SAHIH HR Imam al-Tirmizi, no.1754. Beliau menyatakan darjat hadis ini Hasan Sahih.

¹⁷ Syarah Syamail al-Nabi oleh Syeikh Dr.Abdul Razaq Badr, ms 20.

¹⁸ Asyraf al-Wasail fi Fahmi al-Wasail oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami, ms 50.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا
 شُعْبَةُ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ، قَالَ: سَمِعْتُ الْبَرَاءَ بْنَ عَازِبٍ يَقُولُ:
 (كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مَرْبُوعًا بَعِيدَ مَا بَيْنَ
 الْمَنْكِبَيْنِ عَظِيمِ الْجُمَّةِ إِلَى شَحْمَةِ أُذُنَيْهِ عَلَيْهِ حُلَّةٌ حَمْرَاءُ مَا رَأَيْتُ
 شَيْئًا قَطُّ أَحْسَنَ مِنْهُ)

Maksudnya: "Muhammad bin Basyar telah menyampaikan kepada kami, dia berkata: Muhammad bin Ja'far telah menyampaikan kepada kami, dia berkata: Syu'bah telah menyampaikan kepada kami, daripada Abi Ishaq, dia berkata: Saya telah mendengar Al-Bara' bin 'Azib, dia berkata: "Rasulullah ﷺ seorang lelaki yang berpewarakan sederhana (tidak terlalu tinggi atau rendah), bahu yang lebar (mempunyai dada yang bidang). Rambutnya yang lebat terurai mencecah kedua cuping telinganya. Memakai pakaian sepasang merah, tidak pernah saya melihat suatu pun lebih tampan daripadanya¹⁹."

Sahabat perawi hadis

Nama sebenar beliau ialah Sayidina Al-Bara' bin 'Azib bin al-Harith bin 'Adi bin Majda'ah bin Harithah bin al-Harith bin al-Khazraj bin 'Amr bin Malik bin Aus al-Madani al-Harithi al-Ausi. Kuniyahnya (panggilan) ialah Abu 'Umarah atau Abu 'Amr. Beliau seorang *al-faqihul kabir* (Ulama feqah dalam kalangan sahabat nabi yang besar dan hebat) dan termasuk dalam kalangan para sahabat yang dipandang tinggi²⁰.

19 SAHIH HR Imam Al-Bukhari No 3551 dan Riwayat Imam Muslim, no. 2337.

20 Siyar A'lam an-Nubala' oleh Imam al-Zahabi, jil 3, ms 194.

Membaca mana-mana kitab tanpa syarah, umpama masakan tanpa garam. Begitu jugalah apabila menelaah kitab Syarah Syamail Muhammadiyyah yang hanya menghimpunkan hadis berkaitan Rasulullah Saw tanpa penjelasan sempurna, akan menyukarkan untuk memahami sesuatu topik yang dibincangkan.

Oleh itu, kitab Syarah Syamail Muhammadiyyah yang ada pada tangan kalian ini adalah yang berpandukan 10 syarahan utama dan muktabar tentang perihal Rasulullah Saw. Tidak hanya mengetahui tentang diri baginda, namun turut menjadikan rasul Allah ini sebagai suri teladan dalam kehidupan.

Bermula daripada syarahan berkaitan tentang fizikal Rasulullah Saw, cap mohor, rambut, pakaian, makanan, cincin dan selainnya, menjadikan kita akan lebih mengenali, menghayati serta menjadikan baginda sebagai idola sepanjang zaman.



 karyabestari
www.karangkrainmall.com

